

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Bangi

UTP, Taylor's U dominasi Anugerah MASISWA

Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Taylor's (Taylor's U) mendominasi Anugerah Sukan Majlis Sukan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia (MASISWA) 2014 apabila masing-masing meraih tiga anugerah bagi kategori berkumpulan dan individu.

Bagi kategori berkumpulan, UTP menggondol Anugerah Pasukan Terbaik Lelaki (ragbi), Pasukan Terbaik Wanita (bola jaring) dan Pasukan Harapan Lelaki (bola tampar).

Taylor's U pula memenangi Anugerah Olahraga, Olahragawati dan Atlet Harapan Wanita MASISWA 2014, kesemuanya menerusi acara renang yang masing-masing diraih Shaun Yap Kah Choon, Khoo Cai Lin serta Erica Kong Chia Chia.

Pasukan hoki wanita Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pula menggondol Anugerah Pasukan Wanita Harapan, manakala Atlet Harapan Lelaki menjadi milik Koh I Jie dari Universiti Nilai (lawan pedang).

Pemenang dinilai berdasarkan pencapaian cemerlang masing-masing padaperingkat IPT tempatan, kebangsaan, Asia dan antarabangsa pada tahun 2014.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Datuk Ahmad Shapawi Ismail. Yang turut hadir ialah Presiden MASISWA, Prof Dr Kamal Nasharuddin Mustapha.

Kenal pasti bakat

Ahmad Shapawi berkata, pembabitan aktif institusi pengajian tinggi (IPT) dalam pembangunan sukan negara dapat membantu melahirkan atlet minda kelas pertama.

"IPT perlu membantu melahirkan atlet pelajar yang dapat mengharumkan nama negara,



Pasukan bola jaring UTP ceria bersama-sama replika cek yang diterima.

misalnya kita lihat universiti seperti University of California, Los Angeles (UCLA) yang terkenal dalam agenda pembangunan sukan di Amerika Syarikat (AS) berjaya melahirkan ramai atlet berbakat di negara itu.

"Meskipun kini sasaran untuk melahirkan 30 atlet pemikir yang dilahirkan IPT sudah ataupun hampir dicapai, kita berharap supaya lebih banyak IPT proaktif dalam mengenal pasti bakat pelajar dalam pelbagai bidang sukan," katanya.

BH terima anugerah

MASISWA turut mengiktiraf Zon Timur dan Zon Sarawak sebagai penerima Anugerah Khas

MASISWA untuk kategori zon cemerlang.

Anugerah Tokoh Sukan MASISWA 2014 pula diberikan kepada Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berdasarkan sumbangan beliau dalam membantu meningkatkan prestasi sukan universiti tempatan.

Sementara itu, BH muncul sebagai penerima pertama Anugerah Rakan Sukan MASISWA atas liputan yang berimpak tinggi diberikan kepada MASISWA sepanjang tahun lalu.

BH diwakili Pengarang Pendidikan, Fadzlena Jafar yang menerima sijil serta trofi disampaikan oleh Ahmad Shapawi.

INFO

Penerima Anugerah Sukan MASISWA 2014

- 1) Anugerah Rakan Sukan MASISWA 2014 - **BH**
- 2) Anugerah Pasukan Harapan Lelaki MASISWA 2014 - **Bola Tampar UTP**
- 3) Anugerah Pasukan Harapan Wanita MASISWA 2014 - **Hoki UNITEN**
- 4) Anugerah Pasukan Terbaik Lelaki MASISWA 2014 - **Ragbi UTP**
- 5) Anugerah Pasukan Terbaik Wanita MASISWA 2014 - **Bola Jaring UTP**
- 6) Atlet Harapan Lelaki MASISWA 2014 - **Koh I Jie (Universiti Nilai)**
- 7) Anugerah Atlet Harapan Wanita MASISWA 2014 - **Erica Kong Chia Chia (Taylor's U)**
- 8) Anugerah Olahragawan MASISWA 2014 - **Shaun Yap Kah Choon (Taylor's U)**
- 9) Anugerah Olahragawati MASISWA 2014 - **Khoo Cai Lin (Taylor's U)**
- 10) Anugerah Tokoh Sukan MASISWA 2014 - **Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan**
- 11) Anugerah Khas MASISWA 2014 - **Zon Timur & Zon Sarawak**
- 12) Anugerah Penghargaan Sekalung Budi - **Datuk Dr Azman Zaini Abdul Gahnie dan Prof Abu Talib Othman**



Naib Canselor dan Presiden Universiti Taylors, Prof Datuk Dr Hassan Said (tengah) bersama-sama pelajar-pelajarnya yang meraih Anugerah Sukan MASISWA 2014.



Koh (kanan) menerima cek replika disampaikan Ahmad Shapawi.

Anugerah bakar semangat

Bangi: Pemilihan Khoo Cai Lin yang dinobatkan selaku Olahragawati Majlis Sukan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia (MASISWA) 2014, baru-baru ini dianggap pengiktirafan yang amat bermakna buat ratu renang negara itu.

Pelajar Universiti Taylor's itu yang menyumbang emas 800m gaya bebas wanita pada Sukan SEA Myanmar 2013 berkata, berbeza dengan kemenangan meraih pingat dalam beberapa kejohanan

pemilihan berkenaan lebih memberi impak yang tinggi kepada seseorang atlet.

"Anugerah ini cukup bermakna kepada saya kerana pemilihan adalah berdasarkan pencapaian sepanjang tahun, sekali gus memberikan dorongan dan motivasi kepada saya untuk terus memberikan persembahan yang baik.

"Meskipun sibuk dengan pelajaran, saya akan pastikan selagi termampu dan dikurniakan kesihatan yang baik, saya akan terus membantu negara,"

katanya yang kini sudah mencecah usia 26 tahun.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyampaian Anugerah MASISWA, di sini, baru-baru ini.

Cai Lin yang meraih gelaran itu buat kali ketiga turut mewakili negara dalam Sukan SEA yang sedang berlangsung di Singapura ketika ini.

Pencapaian cemerlang

Sementara itu, seorang lagi penuntut Universiti Taylor's, Shaun Yap Kah Choon, dinobatkan selaku Olahragawan MASISWA berikutan pencapaian cemerlang sepanjang tahun lalu.

Kah Choon yang juga pere-

ng negara berkata, kejayaan meraih gelaran itu buat pertama kali memberi inspirasi kepadanya untuk terus mengharumkan nama negara.

"Pengiktirafan ini adalah permulaan yang baik kepada diri saya. Ini adalah anugerah terbesar saya setakat ini dan pastinya menjadi pembakar semangat untuk mencipta kejayaan gemilang pada masa depan.

"Saya berterima kasih kepada pensyarah yang memahami minat mendalam saya dalam bidang ini dan banyak membantu bagi memastikan saya tidak ketinggalan dalam pelajaran kerana sering ke luar negara untuk menyertai pertandingan," katanya yang



Khoo (kiri) dan Kah Choon bersama-sama piala yang dimenangi.

turut mewakili negara ke Sukan SEA Singapura.

Beliau yang pernah meraih Anugerah Atlet Berbakat Majlis Sukan Selangor pada 2012 ber-

harap lebih ramai atlet muda yang meneruskan pengajian ke menara gading dan pada masa sama terus aktif dalam bidang sukan.